

PM sampaikan amanat penting di UUM 27 April

UM 19 APR 2008

ALOR SETAR 18 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan menyampaikan amanat penting kepada ahli UMNO negeri ini pada Konvensyen UMNO Kedah 2000 di Dewan Muadzam Shah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, 27 April ini.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata, konvensyen itu diadakan sempena Perhimpunan Agung UMNO di Kuala Lumpur, bulan depan.

Menurut beliau, kira-kira 3,000 ahli UMNO negeri termasuk tokoh korporat, ahli akademi dan para ulama dijangka hadir pada konvensyen tersebut.

"Hasil konvensyen itu ialah untuk membuat satu resolusi selepas mengambil kira semua usul yang telah dikemukakan dalam mesyuarat peringkat bahagian dan cawangan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan kira-kira 1,000 anggota Kemajuan Masyarakat (Kemas) di sini hari ini.

Menurut Syed Razak, Perdana Menteri akan diberi sambutan meriah oleh kira-kira 1,000 ahli UMNO dan komponen Barisan Nasional di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim (L TSAH), Kepala Batas, dekat sini kira-kira pukul 2 petang hari tersebut.